

Isu akidah: Satu akta bukan jawapan, kata pemimpin PKR
The Malaysian Insider
18 Oktober , 2011

KUALA LUMPUR, 18 Okt – Pengarah Komunikasi PKR Nik Nazmi Nik Ahmad berkata umat Islam wajar mempertahankan akidah daripada diceroboh mana-mana pihak, tetapi tidak fikir perkara tersebut boleh dicapai dengan hanya menerusi satu undang-undang khusus termasuk akta murtad yang dihasratkan penganjur Himpunan Sejuta Rakyat (Himpun) hujung minggu ini.

“Saya setuju isu akidah soal penting. Tetapi merasakan adanya satu akta yang mampu menyelesaikannya juga bukan jawapan,” kata beliau dalam mesej Twitter hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Setia ini menjelaskan di Malaysia ada pelbagai institusi Islam tajaan kerajaan dan perlindungan Islam sebagai agama persekutuan.

“Di Barat tiada, tetapi Islam berkembang pesat. Kenapa?” kata beliau lagi.

Nik Nazmi juga menambah, “jangan pendekatan kita, yang nampaknya tiba-tiba prihatin timbulkan fitnah pada Islam dalam masyarakat majmuk. Ingati Warisan Wasatiyyah kita.”

Himpunan Sejuta Umat Sabtu ini, yang antara lain bermatlamat mahu menyatukan umat Islam bagi menegaskan pendirian mempertahankan akidah Islam dengan memfokus isu murtad, akan mengeluarkan deklarasi menggesa kerajaan menggubal satu undang-undang khusus bagi mencegah kes-kes murtad di kalangan Muslim.

Gesaan ke arah itu merupakan salah satu kandungan dalam deklarasi yang akan diputuskan di akhir perhimpunan, kata Setiausaha Sekretariat Himpun Aminuddin Yahaya kepada The Malaysian Insider semalam.

Kandungan deklarasi mirip pandangan dikemukakan oleh Mufti Perak, Tan Sri Dr. Harussani Zakaria minggu lalu.

Beliau mencadangkan agar pihak berkuasa agama supaya segera mewujudkan akta bagi menghukum individu yang terbukti bersalah memurtadkan orang Islam kerana ia jelas bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Menurut Harussani, ini kerana golongan yang cuba menyesatkan orang Islam tidak pernah berhenti berbuat demikian sejak dari dahulu lagi.

Harussani, yang dijangka akan turut berucap pada perhimpunan, akta murtad perlu diwujudkan segera kerana gejala itu seperti virus terhadap bangsa Melayu Islam.

The Malaysian Insider
Copyright © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-akidah-satu-akta-bukan-jawapan-kata-pemimpin-pkr/>